



Bahagian Perpustakaan untuk Kanak-kanak dan Remaja

## Garispanduan untuk Perkhidmatan Perpustakaan Kanak-kanak

- \* perkhidmatan perpustakaan untuk kanak-kanak - kini lebih penting kepada kanak-kanak dan keluarga mereka di seluruh dunia \*

Guidelines for Children's Library Services  
<http://www.ifla.org/VII/s10/index.htm#GuidelinesChildren>

# Prakata

**M**asyarakat global dan kehendak di zaman maklumat telah membentuk semula bidang kepustakawanan dan penggunaan teknologi untuk mengiktiraf dan meningkatkan perubahan ekonomi, kebudayaan dan komunikasi dalam dunia hari ini.

Garis panduan dalam bentuk ringkasan ini telah ditulis oleh para ahli Jawatankuasa Tetap Bahagian Perpustakaan untuk Kanak-kanak dan Remaja sebagai suatu alat perlaksanaan untuk perpustakaan-perpustakaan pelbagai saiz dan tahap ekonominya.

Garis panduan ini melengkapkan penerbitan-penerbitan IFLA; *Manifesto Perpustakaan Awam IFLA/UNESCO*, *Perkhidmatan Perpustakaan Awam: Garispanduan untuk Pembangunan, IFLA/UNESCO*, dan *Garis panduan Perpustakaan untuk Kanak-kanak dan Remaja*.

# Pengenalan

Perkhidmatan perpustakaan untuk kanak-kanak telah tidak pernah menjadi sebegitu penting seperti hari ini untuk kanak-kanak dan keluarga mereka di seluruh dunia. Akses kepada maklumat dan kekayaan pelbagai kebudayaan dunia, serta pembelajaran sepanjang hayat dan kemahiran literasi telah menjadi keutamaan bagi masyarakat kita. Sebuah perpustakaan kanak-kanak yang bermutu menyediakan kanak-kanak dengan pembelajaran sepanjang hayat dan kemahiran literasi, membolehkan mereka mengambil bahagian dan menyumbang kepada masyarakat. Perpustakaan itu harus sentiasa bergerak balas kepada perubahan-perubahan yang kian bertambah di dalam masyarakat dan memenuhi keperluan-keperluan maklumat, kebudayaan dan hiburan kesemua kanak-kanak. Setiap kanak-kanak harus biasa dan selesa dengan perpustakaan setempat dan memiliki kemahiran-kemahiran untuk membolehkan mereka menggunakan perpustakaan secara am.

## Tujuan

Tujuan garis panduan ini adalah untuk membantu perpustakaan-perpustakaan awam dalam berbagai negara di seluruh dunia untuk melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan kanak-kanak yang bermutu tinggi.

## Pengguna

Kumpulan pengguna untuk garis panduan ini adalah para pustakawan yang sedang berkhidmat, para pentadbir perpustakaan dan pembuat keputusan, para pelajar dan pengajar dalam program-program latihan sains perpustakaan dan maklumat

# Bahagian Satu

## Misi

“Dengan menyediakan berbagai jenis bahan dan kegiatan, perpustakaan awam menawarkan suatu peluang kepada kanak-kanak untuk mengalami keseronokan membaca dan keterujaan discover menemui ilmu dan karya-karya dari daya imaginasi. Kanak-kanak dan ibu-bapa mereka harus diajar bagaimana cara yang terbaik untuk menggunakan sesebuah perpustakaan dan bagaimana cara untuk mengembangkan kemahiran-kemahiran dalam penggunaan media bercetak dan elektronik.

Perpustakaan awam mempunyai tanggungjawab khusus untuk menyokong proses pembelajaran untuk membaca, dan untuk mempromosikan buku-buku dan media lain bagi kanak-kanak. Perpustakaan itu mesti menyediakan acara-acara untuk kanak-kanak, seperti bercerita dan kegiatan-kegiatan berkaitan dengan perkhidmatan dan sumber-sumber perpustakaan tersebut.

Kanak-kanak harus digalakkan untuk menggunakan perpustakaan sejak awal umurnya, kerana mereka berkemungkinan akan kekal sebagai pengguna pada masa hadapan.

Di dalam negara-negara yang mempunyai pelbagai bahasa, buku-buku dan bahan-bahan pandang-dengar untuk kanak-kanak harus terdapat dalam bahasa ibunda mereka.”

(Perkhidmatan Perpustakaan Awam – Garispanduan untuk pembangunan, IFLA/UNESCO, 2001)

# Bahagian Dua

## Memenuhi keperluan kanak-kanak

*K*onvensyen mengenai Hak Kanak-kanak, Bangsa-bangsa Bersatu, menekankan bahawa setiap kanak-kanak mempunyai hak kepada perkembangannya ke tahap potensi yang sepenuhnya, hak terhadap akses bebas dan terbuka kepada maklumat, bahan-bahan dan program-program, dalam keadaan sama rata untuk semua, tanpa mengambil kira:

- umur
- bangsa
- jantina
- latar belakang agama, kerakyatan dan kebudayaan
- bahasa
- taraf sosial atau
- kemahiran dan keupayaan peribadi.

Kanak-kanak yang membesar ialah suatu kegiatan masyarakat setempat, ia bukannya suatu kegiatan global, namun isu-isu global mempunyai pengaruh terhadapnya.

## Kumpulan sasaran

Kumpulan sasaran yang dialu-alukan oleh perpustakaan kanak-kanak, sama ada individu atau dalam kumpulan, termasuk:

- bayi dan anak-anak kecil
- kanak-kanak pra-sekolah
- kanak-kanak sekolah sehingga umur 13 tahun
- kumpulan-kumpulan yang mempunyai keperluan khas
- ibu-bapa dan ahli-ahli keluarga lain
- para penyedia penjagaan
- orang dewasa lain yang bekerja dengan kanak-kanak, buku-buku dan media.



# Matlamat

- Untuk memberi kemudahan hak setiap kanak-kanak kepada:
  - maklumat
  - literasi untuk berfungsi, visual, digital dan media
  - perkembangan kebudayaan
  - kemajuan pembaca
  - pembelajaran sepanjang hayat
  - program-program kreatif dalam waktu lapang leisure
- Untuk menyediakan kanak-kanak dengan akses terbuka kepada kesemua sumber dan media
- Untuk menyediakan pelbagai kegiatan untuk kanak-kanak, ibu-bapa dan penjaga
- Untuk memudahkan kemasukan sesebuah keluarga ke dalam masyarakat
- Untuk memberi kuasa kepada kanak-kanak dan untuk menyokong kepada kebebasan dan keselamatan mereka
- Untuk menggalakkan kanak-kanak menjadi manusia yang berkeyakinan dan mempunyai kecekapan
- Untuk berusaha ke arah dunia yang aman.

# Pembiayaan

Kanak-kanak adalah “pelaburan” yang berbaloi.

Perpustakaan kanak-kanak memerlukan satu belanjawan untuk menyenggara dan menambahbaik mutu bahan-bahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan kepada orang awam.

Belanjawan lazim boleh ditambah dengan sumber-sumber pembiayaan luar, seperti:

- geran-geran kerajaan (untuk program-program khas dan inisiatif-inisiatif baru)
- organisasi-organisasi kebudayaan (untuk musik, tarian, drama, kesenian, persembahan-persembahan sejarah dan etnik)
- para penerbit (untuk lawatan-lawatan oleh para pengarang atau ilustrator dan untuk pemberian-pemberian lain)
- tajaan (perniagaan-perniagaan setempat atau pertubuhan-pertubuhan sukarela untuk menyokong acara-acara tertentu)
- agensi-agensi bukan-kerajaan
- pembiayaan sepadan.

## Bahan-bahan

Perpustakaan kanak-kanak harus menyertakan pelbagai bahan berasaskan perkembangan yang bersesuaian dalam kesemua format, termasuk bahan-bahan bercetak (buku, makalah, komik, brosur), media (CD, DVD, kaset), barang mainan, permainan pembelajaran, komputer, perisian dan penyambungan.

## Kriteria pemilihan

Pembinaan koleksi dan perkhidmatan memerlukan para pustakawan memilih bahan-bahan yang:

- bermutu tinggi
- bersesuaian dengan umur
- semasa dan tepat
- mencerminkan pelbagai nilai dan pendapat
- menggambarkan kebudayaan masyarakat setempat
- merupakan suatu pengenalan kepada komuniti global.

# Ruang

**K**anak-kanak pada semua peringkat umur harus mendapati bahawa perpustakaan adalah sebuah tempat yang terbuka, mempelawa, menarik, mencabar dan bukan mengancam untuk dilawati.

Seelok-eloknya, suatu perkhidmatan kanak-kanak memerlukan ruang perpustakaan yang tersendiri, yang semestinya dengan mudah dikenali (contohnya perabot yang istimewa, gaya hiasan dan warna) dan berbeza dari bahagian-bahagian lain di perpustakaan.

Perpustakaan-perpustakaan menawarkan suatu ruang awam yang membolehkan kanak-kanak bertemu satu sama lain atau boleh bertemu orang lain dalam ruang siber.

# Perkhidmatan

**P**erkhidmatan kanak-kanak harus dianggap penting dan diberikan layanan sama rata seperti yang diberi kepada orang dewasa.

Perpustakaan kanak-kanak harus memenuhi keperluan-keperluan maklumat, kebudayaan dan hiburan kanak-kanak sesuatu komuniti itu dengan:

- meminjamkan pelbagai bahan
- menawarkan perkhidmatan maklumat dan rujukan
- membantu kanak-kanak untuk memilih bahan
- melibatkan kanak-kanak dalam pemilihan bahan dan pembangunan perkhidmatan perpustakaan
- menawarkan latihan mengenai kemahiran perpustakaan dan literasi maklumat
- melakukan kegiatan-kegiatan yang memotivasikan (galakan membaca)
- menawarkan penyediaan program kreatif dan bercerita
- mendidik ibu-bapa dan para penjaga
- menyediakan rujukan dan latihan kepada para penjaga, guru-guru pra-sekolah, guru-guru sekolah dan para pustakawan
- bekerjasama dan menyokong organisasi-organisasi dan institusi-institusi komuniti.

# Jaringan

**J**aringan dengan organisasi-organisasi dan institusi-institusi lain dalam masyarakat setempat adalah penting dan berfaedah.

- Menyelidik keperluan maklumat dan kebudayaan sesebuah masyarakat dan mencuba untuk memadankan keperluan-keperluan tersebut dengan sumber-sumber perpustakaan agar dapat memastikan institusi-institusi setempat tidak bersaing malah akan bekerjasama untuk memberi faedah kepada kanak-kanak.
- Sekolah-sekolah adalah rakan kongsi yang penting. Perpustakaan sekolah menyediakan sokongan untuk proses pendidikan dan perpustakaan kanak-kanak terlibat dengan pendidikan-kendiri dan pembacaan waktu senggang.
- Pusat-pusat penjagaan kesihatan, pusat-pusat penjagaan harian, tadika-tadika dan tempat-tempat penyediaan penjagaan adalah institusi-institusi rakan kongsi yang perlu dan dialu-alukan, terutamanya bagi kegiatan-kegiatan galakan membaca untuk kanak-kanak, ibu-bapa dan para profesional.

# Publisiti

Suatu profil awam yang positif untuk perpustakaan-perpustakaan kanak-kanak adalah amat penting ketika persaingan untuk masa dan perhatian seseorang kanak-kanak itu semakin bertambah.

Membaca dan literasi adalah kemahiran-kemahiran yang perlu untuk berkomunikasi dan nilainya mesti selalu diperkukuhkan.

# Sumber Manusia

Perpustakaan kanak-kanak yang diusahakan secara berkesan dan profesional memerlukan para pustakawan kanak-kanak yang terlatih dan beriltizam.

Kemahiran-kemahiran yang diinginkan termasuk:

- semangat kemahuan
- kemahiran tinggi dalam berkomunikasi, perhubungan antara perseorangan, kerja berpasukan dan penyelesaian masalah
- keupayaan untuk menjalin rangkaian dan bekerjasama

- keupayaan untuk memulakan sesuatu, luwes dan terbuka kepada perubahan
- keupayaan untuk menganalisis keperluan-keperluan pengguna, merancang, mengurus dan menilai perkhidmatan-perkhidmatan dan program-program
- keinginan untuk mempelajari kemahiran-kemahiran baru dan maju secara profesional.

Para pustakawan kanak-kanak juga memerlukan ilmu dan kefahaman tentang:

- psikologi dan perkembangan kanak-kanak
- teori-teori kemajuan dan galakan membaca
- peluang-peluang artistik dan kebudayaan
- kesusasteraan untuk kanak-kanak di dalam buku-buku dan media berkaitan.



# Pengurusan dan penilaian

**A**dalah amat penting bagi mereka yang mengurus perkhidmatan-perkhidmatan kanak-kanak menyertai proses perancangan untuk perpustakaan secara keseluruhan, untuk memastikan suatu kesedaran dan sokongan terhadap perkhidmatan kanak-kanak terdapat di dalam keseluruhan matlamat dan rancangan jangka panjang sesebuah perpustakaan itu.

Maklumat prestasi yang boleh dipercayai adalah satu alat yang perlu bagi penilaian dan penambahbaikan

- mengumpul statistik berkaitan sumber-sumber, kakitangan, perkhidmatan-perkhidmatan, edaran, kegiatan-kegiatan, dll., untuk menyediakan data bagi perancangan, menunjukkan pertanggungjawapan dan membuat keputusan-keputusan pengurusan yang berdasarkan maklumat
- mengukur prestasi kakitangan berdasarkan kecekapan berpiawai.

# Bahagian Tiga

## Memohon sumbangan anda!

- Jawatankuasa Tetap mengenai Bahagian Perpustakaan untuk Kanak-kanak dan Remaja memerlukan bantuan anda.
- Silalah, sertai Bahagian ini dan hantarkan contoh-contoh "amalan-amalan terbaik" untuk dimuatkan pada Bahagian ini di laman web IFLA.
- Sila hantar maklumat tersebut kepada Pengerusi Jawatankuasa atau Penyelaras Maklumat untuk disunting dan dimuatkan.

# Maklumat lanjut

**B**rosur ini dihasilkan oleh Bahagian Perpustakaan Kanak-kanak dan Remaja, IFLA, dan dibiayai bersama dengan Perpustakaan Awam Medvescak, Zagreb, Croatia (Disember 2003).

Jika anda berminat dengan kerja Bahagian ini, jadilah ahli IFLA dan mendaftar dengan Bahagian ini.


© IFLA

Untuk maklumat dan butiran selanjutnya, sila rujuk Bahagian ini di IFLANET ([www.ifla.org](http://www.ifla.org)). Versi bercetak teks penuh garis panduan ini boleh dipesan dari Penyelaras maklumat.

Garis panduan ini adalah berasaskan draf teks yang dihasilkan oleh Kumpulan Kerja Bahagian tersebut dan mereka yang bekerjasama untuk menyediakan teks latar belakang yang menyeluruh.

Lihat di: [www.ifla.org/VII/s10/scl.htm](http://www.ifla.org/VII/s10/scl.htm).

Lukisan-lukisan yang digunakan dalam Garis panduan ini diambil daripada arkib di Perpustakaan Awam Medvescak, Zagreb, Croatia.



IFLA

P.O. Box 95312  
2509 CH The Hague  
Netherlands

Tel. +31 703140884  
Fax +31 70 3834827  
E-mail: ifla@ifla.org  
www.ifla.org

**Translated into Bahasa Melayu  
by:**

**Associate Professor Fuziah M. Nadzar  
Senior Lecturer  
Faculty of Information Management  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Puncak Perdana Campus  
No. 1 , Jalan Pulau Angsa AU10/A,  
Section U10, 40150 Shah Alam,  
Selangor, Malaysia.**

**Tel. +603 79622112  
Fax +603 7962 2007  
E-mail: fuziahmn@salam.uitm.edu.my**